

**PELAKSANAAN PROJEK JALAN KAMPUNG DI
NEGERI JOHOR**

MOHAMMAD ANUAR BIN SAFIAN

Projek Sarjana Muda untuk memenuhi syarat penganugerahan
Sarjana Muda Bangunan (Kepujian)

Jabatan Ukur Bahan
Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia

APRIL, 2000

ABSTRAK

Jalan raya merupakan salah satu media perhubungan darat yang penting sejak dahulu lagi. Jalan kampung adalah merupakan sebahagian daripada rangkaian jalan raya yang terdapat di negara kita. Walau bagaimanapun, pembinaan jalan kampung pada masa ini tidak memenuhi keperluan penduduk luar bandar itu sendiri, umpamanya keperluan trafik yang semakin meningkat, ketahanan jalan kampung yang kurang baik, serta kelambatan satu-satu kawasan luar bandar itu mendapat kemudahan ini. Justeru, program Projek Jalan Kampung diperkenalkan oleh kerajaan negeri Johor yang dipertanggungjawabkan kepada Kumpulan Prasarana Rakyat Johor dengan tujuan supaya pembinaan jalan-jalan kampung dapat disegerakan di samping program ini diharap dapat membantu pihak kontraktor kecil tempatan mendapat peluang pekerjaan.

Kajian mendapati konsep pengurusan dan pelaksanaan yang diamalkan dalam program PJK ini adalah secara tidak langsung, di mana hubungan klien iaitu KPRJ dengan kontraktor pelaksana adalah melalui pihak tengah iaitu Infra Desa Johor Sdn. Bhd. (IDJ). IDJ merupakan kontraktor utama merangkap pengurus projek untuk program ini. KPRJ bertindak merancang, mengorganisasi, memimpin dan mengawal keseluruhan program dari peringkat penetapan polisi, pelantikan kontraktor hingga ke kepada siapnya jalan kampung tersebut.

Terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh KPRJ dan juga kontraktor pelaksana yang mana masalah-masalah ini telah menjadi risiko kepada KPRJ dari aspek kelancaran program, nama baik KPRJ dan kepercayaan pihak kontraktor pelaksana terhadap KPRJ. Masalah-masalah ini dikenalpasti dari analisis yang dibuat berdasarkan data-data yang diperolehi dari sesi temubual dengan pihak KPRJ dan IDJ serta dari soal selidik yang dijalankan terhadap kontraktor pelaksana. Analisis dilaksanakan secara jadual kekerapan dan peratusan dalam bentuk carta pai, diikuti dengan huraihan dan keterangan yang berkaitan dengannya.

Adalah didapati bahawa program PJK yang dilaksanakan oleh KPRJ ini boleh berdaya saing asal sahaja semua masalah yang dihadapi diselesaikan dengan baik serta aspek pengurusan dan pelaksanaan program dikemas kini dan ditingkatkan kecekapannya.